

07 SEP 1997

MASYARAKAT ANTARABANGSA HENTIKAN MANIPULASI PASARAN

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa masyarakat antarabangsa supaya menghentikan usaha oleh manipulator untuk mengganggu gugat pasaran kewangan.

"Sesetengah sistem disalahgunakan secara terang-terang harus dihentikan mengikut undang-undang," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan agung UMNO tiga hari yang berakhir hari ini.

Katanya dunia tidak meraih manfaat daripada mereka yang tidak berbuat sesuatu dan dalam pada masa itu mampu menggerakkan sejumlah besar dana di dunia.

"Masyarakat antarabangsa perlu membuat sesuatu agar perkara ini dihentikan. Hanya dengan demikian Malaysia dan negara-negara sedang muncul yang lain terselamat daripada manipulasi ini. Pastinya, ini tidak berlaku kepada negara-negara berkuasa, dan jikapun ia berlaku, mereka mampu menanganinya, jadi mereka tidak begitu bimbang. Tetapi jika kita memperkatakan ekonomi sejagat, maka kita perlu mengambil kira negara-negara miskin," tambahnya.

Dr Mahathir mempertahankan alasannya yang sesetengah orang tidak berpuas hati dengan perkembangan pesat Asia Tenggara kerana mereka tidak ingin melihat lagi negara "Little Japan."

"Kami diberitahu tiada komplot yang berlaku tetapi banyak perkara yang berlaku secara kebetulan dan ia berlaku pula kepada sekumpulan negara yang dianggap sebagai negara-negara yang ekonomi pesat berkembang (dragons dan tigers of Asia). Tidak mungkin kita tersilap 100 peratus apabila kita katakan terdapat usaha untuk menyekat pertumbuhan di rantau ini," tambahnya.

Beliau berkata Jepun suatu ketika dulu ditegur oleh bekas setiausaha negara Amerika Syarikat James Baker bahawa beliau (Baker) tidak ingin melihat lagi "Little Japan." Dalam perkataan lainnya, Jepun tidak seharusnya membantu negara-negara sedang muncul.

Mengenai konsep pasaran terbuka, Perdana Menteri menegaskan bahawa Malaysia percayakan pasaran terbuka, tetapi sesebuah pasaran memang sentiasa terdedah pada spekulasi dan bukannya manipulasi.

Katanya apabila orang-orang yang mempunyai banyak wang dan kemahiran yang mampu menyebabkan matawang-matawang disusut nilai atau diturunkan nilainya, maka urusan niaga seumpama itu bukanlah lagi perkara biasa tetapi sebaliknya menjadi monopoli.

Beliau menyebut satu contoh John Rockefeller, seorang jutawan Amerika Syarikat yang berkecimpung dalam perniagaan minyak yang suatu ketika dulu mempunyai monopoli dalam pasaran minyak Amerika Syarikat, sehingga menyebabkan pemerintah terbabit campur tangan. Tindakannya menghasilkan penguatkuasaan undang-undang anti-amanah oleh pemerintah Amerika Syarikat.

Dr Mahathir menegaskan bahawa dunia tidak mendapat manfaat daripada manipulator dan perkara yang dilakukan mereka tidak mendatangkan hasil kerana "mereka tidak mewujudkan peluang pekerjaan, barangan atau perkhidmatan."

Berhubung masalah yang melanda matawang serantau sejak kebelakangan ini, menteri itu berkata terdapat sesetengah orang yang menggerakkan sejumlah besar wang di serata dunia dan dalam proses itu mengaut keuntungan besar untuk diri sendiri.

Apabila ditanya perasaannya tentang penangguhan projek-projek besar, beliau berkata pembangunan Malaysia mempunyai erti yang besar baginya

kerana ia adalah untuk kebaikan negara.

Beliau menegaskan negara ini bukannya membina tugu peringatan tetapi sebaliknya projek-projek seperti lapangan terbang, jalan raya, kereta api dan tenaga hidro.

"Semuanya yang kita lakukan dikutuk pada mulanya," katanya, sambil mengimbas kembali cemuhan tentang projek kereta nasional Proton ketika dilancarkan pada 1985 lalu tetapi kini terbukti merupakan satu kejayaan. Sama juga dengan projek-projek yang lain. -- BERNAMA

SHO MA